



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

# “KERATAN AKHBAR KESUMA”

SELASA  
15 OKTOBER 2024



KEMENTERIAN  
SUMBER MANUSIA

Akhbar	Sinar Harian
Tarikh	15 Oktober 2024
Ruang	Nasional
Muka Surat	5



TELUS & TULUS • MATA DAN TELINGA RAKYAT • PEMACU PERUBAHAN



NASIONAL

5

SELASA 15 OKTOBER 2024 • SINAR HARIAN

la pindaan kali kedua setelah hampir 20 tahun pindaan terakhir pada 2005

Oleh DIANA AZIS  
SHAH ALAM

Dewan Rakyat pada Isnin meluluskan pindaan Rang Undang-Undang Ordinan Buruh Sabah 2024 (RUU OBS) yang menyeragamkan beberapa perkara termasuk jumlah cuti pekerja di negeri itu dengan pekerja di Semenanjung.

RUU berkenaan telah dibentangkan pada 17 Julai lalu untuk bacaan kali pertama semasa Mesyuarat Kedua, Penggal Ketiga, Parlimen ke-15.

Menteri Sumber Manusia, Steven Sim berkata, pindaan tersebut merupakan kali kedua setelah hampir 20 tahun pinda-

an terakhir pada tahun 2005.

"Pindaan ini menjadi ketutamaan dan bukti komitmen kerajaan dalam memastikan hak dan kebajikan pekerja di Semenanjung Malaysia dan 2.06 juta pekerja Sabah adalah setara, selain mengangkat marabat pekerja setara standard perburuhan antarabangsa.

"Kementerian Sumber Manusia ingin merakamkan penghargaan kepada ahli-ahli Parlimen yang turut serta dalam perbahasan serta menyokong pindaan yang amat penting dan bersejarah ini," katanya dalam sidang akhir di sini pada Isnin.

Menurut Steven, RUU OBS

dijangka dibentang di Dewan Negara pada awal Disember tahun ini untuk dibahas seterusnya diluluskan.

Antara kandungan pindaan termasuk mewajibkan Hari Malaysia yang disambut pada 16 September setiap tahun sebagai hari kelepasan am.

Selain itu waktu kerja ditetapkan 45 jam seminggu, cuti bersalin 98 hari, pengasingan cuti sakit dan cuti hospitalisasi iaitu masing-masing 14 hari dan 60 hari.

Turut dipinda ialah larangan diskriminasi, larangan buruh paksa dan gangguan seksual di tempat kerja.



Steven ketika sesi penggulungan rang undang-undang pada persidangan Dewan Rakyat di Bangunan Parlimen pada Isnin.



KEMENTERIAN  
SUMBER MANUSIA

Akhbar	Sinar Harian
Tarikh	15 Oktober 2024
Ruang	Nasional
Muka Surat	5



## 'Capai kadar gaji RM3,000 bergantung pertumbuhan, polisi ekonomi'

**SHAH ALAM** - Kemampuan mencapai kadar gaji RM3,000 bergantung pada pertumbuhan dan polisi ekonomi serta peningkatan produktiviti yang menyokong kenaikan gaji.

Penganalisis ekonomi, Dr Mohamad Khair Afham Muhamad Senan berkata, bagi mencapai kadar itu mungkin memerlukan lima hingga 10 tahun sekiranya ekonomi berkembang pada kadar stabil.

Katanya, polisi sokongan daripada kerajaan seperti meningkatkan kadar upah minimum secara berkala juga memainkan peranan penting.

"Berdasarkan trend per-

tumbuhan gaji dan kadar inflasi, ia boleh dicapai dalam beberapa tahun jika kerajaan terus komited kepada reformasi ekonomi dan sokongan kepada sektor pekerjaan," katanya kepada *Sinar Harian*.

Menurut Mohamad Khair Afham, sekiranya gaji minimum dinaikkan, pekerja akan lebih bersedia menghadapi kos tambahan daripada pelaksanaan GST berkenaan.

Katanya, ia merupakan sistem cukai yang cepak namun boleh membebankan golongan yang berpendapatan rendah.

"Kerajaan menyasarkan kenaikan gaji sebelum GST

dilaksanakan supaya mereka mampu menanggung beban tambahan daripada cukai tersebut," ujar beliau.

Pada Ahad, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, kerajaannya akan melaksanakan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) sekiranya ambang gaji minimum meningkat kepada RM3,000 hingga RM4,000.

Beliau yang mengakui bahawa sistem cukai itu cekap dan telus berkata, GST juga akan membantu mengembangkan dana kerajaan dengan kutipan hasil yang lebih tinggi.

### INFO KUTIPAN GST DAN SST

#### GST

Cukai barang dan perkhidmatan (GST) adalah sistem cukai yang dikenakan ke atas barang dan perkhidmatan yang dibeli dan dijual sebanyak enam peratus.

#### KUTIPAN GST (2015 - MEI 2018)

2015	RM37.7 billion
2016	RM55.7 billion
2017	RM60.5 billion
2018	RM30.9 billion (hingga Mei sahaja)

Namun, GST telah dibatalkan pada tahun 2018 dan digantikan dengan cukai jualan dan perkhidmatan (SST).

#### SST

Cukai Jualan: Lima atau 10 peratus bergantung kepada jenis barang.

Cukai Perkhidmatan: Enam peratus untuk kebanyakan perkhidmatan.

#### KUTIPAN SST

2018	RM5.4 billion (September - Disember)
2019	RM27.6 billion
2020	RM25.2 billion
2021	RM25.5 billion
2022	RM31.3 billion
2023	RM35.4 billion

Sumber: <https://www.sinarharian.com.my/ampArticle/674183>



KEMENTERIAN  
SUMBER MANUSIA

Akhbar	Berita Harian
Tarikh	15 Oktober 2024
Ruang	Nasional
Muka Surat	7



# Pindaan RUU Ordinan Buruh Sabah dilulus

**Kuala Lumpur:** Dewan Rakyat meluluskan Rang Undang-Undang (RUU) Ordinan Buruh Sabah (Pindaan) 2024 bagi menyelesaikan undang-undang perburuhan di Sabah dengan Semenanjung.

RUU dibentang Menteri Sumber Manusia, Steven Sim Chee Keong, diluluskan menerusi suara majoriti Ahli Dewan Rakyat, semalam selepas usul pindaan itu dibahaskan 10 Ahli Parlimen kerajaan dan pembangkang.

Chee Keong berkata, pindaan itu mencipta sejarah tersendiri khususnya bagi lebih dua juta pekerja di Sabah yang turut menikmati kemudahan dan manfaat sama seperti dinikmati pekerja di Semenanjung.

Beliau berkata, undang-undang yang dilaksana sebelum ini tidak pernah dipinda sejak 20 tahun lalu.

“Pelaksanaan (kepada RUU ini kelak) adalah elemen mustahak dan penting. Kita akan menerapkan perhatian, khususnya dalam mengangkat martabat dan maruah pekerja di Sabah.

Terdahulu, Chee Keong berkata, RUU itu membabitkan 41 pindaan daripada peruntukan sedia ada serta memasukkan 23 peruntukan baharu dan memansuhkan enam peruntukan sedia ada.



KEMENTERIAN  
SUMBER MANUSIA

Akhbar	Berita Harian
Tarikh	15 Oktober 2024
Ruang	Minda Pembaca
Muka Surat	13



BH Selasa, 15 Oktober 2024

MindaPembaca

13

# Kerjasama kerajaan, swasta galak suri rumah kembali bekerja

Ilmi Safina,  
Kuala Lumpur

Seramai 80 peserta wanita yang sudah lama meninggalkan industri memanfaatkan peluang keemasan dalam Program Women-Industry Network (WIN) x Career Comeback Programme (CCP) baru-baru ini.

Kohort kali ini menumpukan latihan Google Workspace and GenAI sebagai persediaan menguasai kemahiran digital penting sebelum masuki semula tenaga kerja.

Ada peserta datang dari Nilai dan Semenyih, sanggup membelah kedinginan pagi selepas mengantar anak ke sekolah demi mempersiapkan diri kembali ke dunia korporat.

Di sudut bilik seminar tersedia sarapan per-cuma dan mesin kopipasta pastinya menggamit kenaikan wanita ini kepada suasana pejabat ditinggalan demi menjaga anak, suami, ibu bapa atau mungkin memberi latuan kepada kesembuhan ke-sihatatan mental sebelum tekad kembali semula bekerja.

Semakin mengenali peserta wanita ini, semakin kerdil diri. Ada pernah berkhidmat sebagai pramugari di syarikat penerbangan ternama, bekas pensyarah tidak kurang juga pernah mengembarnya hampir ke seluruh pelosok negara untuk mengaudit syarikat.

"Oh, itu cerita lama. Sekarang sudah tidak ada lagi," ujar wanita pertengahan umur 30-an dengan penuh rendah diri. Senyuman hambar terukir di bibirnya.

Setiap peserta program dibahagikan 11 kumpulan dan mempunyai tugasas pembentangan berbeza. Namun, persamaan setiap tugasan adalah perlu mencapai objektif, iaitu menunjukkan bagaimana mereka memanfaatkan kedua-dua aplikasi sebaik mungkin.

## Perbanyak program seriah potensi wanita

Memori lucu akan sentiasa diingati adalah melihat tetelah peserta terkial-kial menggunakan komputer riba seperti kanak-kanak baru belajar dan juga jurang umur antara ibu muda dengan lebih berusia untuk mengatasi 'konflik' sepanjang tugas.

Semangat juang wanita ini memahami tema baru sepanjang menggunakan teknologi wajar dipuji. Benarlah, tangan menghayun buaian mampu menggongcang dunia.

Acara penutup program empat hari ini ialah sesi pembentangan tugasan kepada majikan terabit. Inilah hari ditunggu-tunggu semua peserta selepas memerah idea menjayakan tugasan.

Dapat dilihat kesungguhan ditunjukkan peserta dengan berpakaian rapi seperti blazer, baju kurung dan pakaian formal lain. Melalui aktiviti seperti inilah, mereka rata-ratanya suri rumah dapat meningkatkan keyakinan diri dan kemahiran komunikasi selama ini terbungkam di rumah.

Sekalung tahniah dan penghargaan diucapkan kepada Unit Program Wanita TalentCorp dan Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) kerana berjaya merealisasikan impian wanita turut menyumbang kepada industri.

Diharapkan program sebegini diperbanyak dan dikukuhkan dengan suntikan dana atau tawaran kelebihan daripada kerajaan kepada mana-mana syarikat terbitab mengambil wanita bekerja semula.

Apabila terdapat kerjasama erat daripada kerajaan khususnya kementerian berkaitan dengan syarikat tertentu, pasti peluang pekerjaan kepada golongan ini lebih luas, terutama kepada wanita yang mahu kembali bekerja.

Secara tidak langsung, negara kita dapat mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing dan tenaga kurang mahir dengan memperkasa wanita tempatan.